

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHONG CHIENG JEN [BANDAR KUCHING]
TARIKH : 16.06.2014 (ISNIN)**

TUAN CHONG CHIENG JEN [BANDAR KUCHING] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah rasional Kerajaan menetapkan harga gula di tahap RM2.80 per kilogram sedangkan harga pasaran antarabangsa gula sejak 2 tahun yang lalu adalah pada harga purata RM1.40 per kilogram.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan menetapkan harga runcit bagi gula bertapis kasar pada RM2.84 per kilogram bermula 26 Oktober 2013. Walaupun harga pasaran antarabangsa adalah rendah daripada harga yang ditetapkan oleh Kerajaan, bekalan gula masih lagi dibekalkan oleh empat pengilang iaitu Malayan Sugar Manufacturing Company Berhad (MSM), Central Sugars Refinery Sdn Bhd (CSR), Gula Padang Terap (GPT) dan Kilang Gula Felda Perlis (KGFP). Kesemua pengilang ini masih terikat dengan kontrak pembelian gula tidak bertapis dari pembekal luar negara menerusi *Long Term Contract (LTC)* bagi tempoh 2012-2014.

LTC ini dilaksanakan setiap 3 tahun bagi memastikan bekalan gula dalam negara adalah mencukupi dan pada harga yang stabil. Tujuan LTC ini adalah untuk melindungi negara daripada sebarang perubahan luar jangka (*volatility*) di dalam pasaran komoditi gula antarabangsa yang boleh mengganggu bekalan gula negara.